




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 431 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 46,791 kes. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini, iaitu satu (1) kes di Kalabakan dan satu (1) kes lagi di Beluran. Takziah diucapkan kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 393 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 42,406 orang. Sejumlah 2,794 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 847 orang di hospital, 1,928 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 19 orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 87 orang dan 18 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Telupid bertukar daripada zon kuning ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, **dua (2) kluster baharu** dilaporkan:
- i. **Kluster Ladang Segama, Lahad Datu** mencatatkan 16 kes baharu menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 sebanyak 22 kes. Kes indeks dikesan melalui saringan tempat kerja di bawah program PERKESO pada 16 Januari 2021. Kontak-kontak rapat telah dikenal pasti dan pengesahan punca jangkitan masih dijalankan.
  - ii. **Kluster Jalan Segama, Lahad Datu** mengesan tujuh (7) kes baharu menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 sebanyak 20 kes. Kes indeks dikesan melalui saringan bergejala pada 19 Januari 2021. Susulan penemuan kes itu, saringan kontak rapat masih dilaksanakan dalam kalangan warga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Lahad Datu.
- 5 Daripada 431 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 308 kes (71.5%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 47 kes (10.9%), saringan kluster baharu dan sedia ada 53 kes (12.3%), saringan pelajar masuk asrama tiga (3) kes (0.7%) dan 20 kes (4.6%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,106 unit, di Pusat Kuaranin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,580 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara pula kekal 1,100 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,786 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 41.17%.

## **B BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Sehingga hari ini, sebanyak **321,637** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

## **C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 40,303 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 95 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 62 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 72 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 40 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 10 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.

- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 10 premis, di tiga (3) buah daerah iaitu Semporna, Kunak dan Keningau.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 98 lokasi di sembilan (9) daerah dengan hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin Bahasa Dusun, Bahasa Bajau dan Bahasa Iranun.

**D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.55%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	95%
2	Ranau	94%
3	Kota Belud	94%
4	Tenom	94%
5	Kunak	94%
6	Beluran	94%
7	Kota Marudu	93%
8	Tuaran	93%
9	Kinabatangan	93%
10	Beaufort	93%
11	Keningau	93%
12	Kudat	92%
13	Sandakan	92%
14	Semporna	92%
15	Papar	92%
16	Kota Kinabalu	91%
17	Penampang	91%
18	Lahad Datu	91%
19	Tawau	91%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

**Pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini sangat penting untuk kita menangani trend peningkatan COVID-19.**

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**  
24 Januari 2021